

Rakyat Malaysia hanya punyai satu pilihan — PM

UM 3 - OCT 1988

Foreign Trips

BOSTON 2 Okt. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, rakyat Malaysia hanya mempunyai satu pilihan iaitu sama ada untuk melihat negara ini terus stabil atau terjebak dalam suasana huru-hara.

Serentak dengan itu, beliau mahukan seluruh rakyat khususnya generasi muda membuat pilihan yang tepat sambil bertanya: "Adakah kita kekal kestabilan politik atau menimbulkan huru-hara? Masa depan adalah soal orang muda."

Berucap pada majlis dialog dengan kira-kira 200 orang pelajar di Universiti Boston di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah: "Ini tanggungjawab kamu. Adakah kita inginkan huru-hara. Adakah kita berpuas hati dengan apa yang ada sekarang ini di mana pendapatan perkapita turun kepada hanya AS\$1,600 setahun sekarang ini dari AS\$2,000."

Perdana Menteri menegaskan, jika rakyat ingin menambah pendapatan perkapita negara, pertumbuhan ekonomi perlu cergas dan usaha tersebut memerlukan kestabilan politik.

Beliau berkata, sebagai pewaris yang bakal menggantikan golongan tua, generasi muda perlu berjuang untuk mengekalkan kestabilan poli-

Dari Zulkafly Baharuddin

tik dan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau menambah, peranan generasi baru adalah amat penting untuk menentukan suasana politik dan ekonomi yang sihat kerana ia merupakan faktor utama untuk mencapai taraf kemajuan yang kini dinikmati oleh negara-negara perindustrian baru dan juga Jepun.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menekankan perlu Barisan Nasional (BN) dikekalkan kerana ia telah mempunyai modus operandi untuk menyelesaikan masalah dan dengan demikian, "strukturnya perlu dikekalkan."

Beliau juga menegaskan, "kita mahukan sebilangan besar rakyat Malaysia yang bersikap sederhana. Golongan ekstrimis tiada tempat di Malaysia."

"Generasi baru perlu bersedia untuk bersikap toleransi, bekerjasama dan berunding dan bukannya bergaduh untuk selesaikan masalah."

Perdana Menteri mengingatkan, ke arah membentuk sikap toleransi, bekerjasama dan berunding, para pelajar khususnya di luar negeri agar tidak memencilkan diri dalam bentuk 'satu perkampungan' dan ti-

dak bercampur gaul dengan para pelajar tempatan dan asing.

Katanya, negara memerlukan para graduan yang mampu berkomunikasi dengan lain-lain bangsa apabila pulang ke tanahair dengan berpegang kepada sikap tanggungjawab terhadap negara yang telah berkorban untuk memberikan mereka pelajaran.

"Saya berharap para pelajar akan pulang dengan sikap bertanggungjawab kepada negara dan ibu bapa yang telah memberi kepada mereka," katanya.

Beliau yang diiringi oleh isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali dan para pegawai Jabatan Penuntut Malaysia Washington DC, menambah kata "matlamat kita ialah pada suatu hari kita mempunyai sebuah negara yang sama maju dengan Amerika Syarikat dan Eropah. Tidak mustahil dan jangan sinis."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Jepun mengambil masa 120 tahun untuk mencapai tahap yang mereka berada sekarang dan Malaysia telah mencapai tahapnya sekarang dalam masa 31 tahun.

"Kita buat ini semua bukan untuk diri sendiri tetapi untuk bangsa," tegas beliau.